View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by The International Islamic University Malaysia Repository

















**RENCANA**

ARKIB : 09/06/2008

1

# Selesai masalah dunia dengan berdialog

TATKALA dunia maju dengan peradabannya, manusia pula terpaksa hidup dengan 1001 persoalan yang perlu dijawab, pergelutan hidup, peperangan, kebuluran dan pelbagai lagi kekangan dan cabaran.

Manusia yang berakal tentunya ingin melihat segala kesengsaraan ini dikurangkan, walaupun pada hakikatnya siapa antara manusia ini yang tidak mahu ia terus dihapuskan?

Salah-satu kaedahnya ialah dengan berdialog. Mencari satu ketetapan, yang mana setiap individu dari setiap bangsa dapat duduk semeja dan sebumbung untuk mencapai satu persetujuan dan kefahaman tentang erti kedamaian sejagat.

Daisaku Ikeda adalah salah seorang daripada penggiat utamanya. Beliau yang menerima Hadiah Keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menjelajah lebih daripada 50 buah negara untuk mempromosikan keamanan sejagat.

Kini beliau sebagai Presiden Soka Gakkai International, yang dianggotai oleh 190 buah negara dan wilayah, mendambakan dirinya untuk tujuan murni ini.

Hasil daripada lawatannya ke 50 buah negara itu, beliau telah menulis sebuah buku yang amat menarik dan harmonis. Diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Nazel Hashim Mohamad, bertajuk *Pertemuan yang Indah - kenangan pertemuan dengan tokoh-tokoh dari seluruh dunia yang tidak dapat dilupakan*.

Ia diterbitkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dan adalah lanjutan daripada jaringan kefahaman antara Soka Gakkai International dengan Gapena, yang telah menyaksikan anugerah Mahapendita Serwa Alam yang telah disampaikan oleh Ketua Satu Gapena, Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Ismail Hussein kepada Dr. Daisaku Ikeda pada 20 Mac 2006.

Buku *Pertemuan yang Indah* ini mengisahkan pertemuan Daisaku Ikeda dengan 30 orang tokoh dunia, yang dimulai dengan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Antara yang menarik perhatian ialah dialog Ikeda dengan Dr. Athayde, mantan Presiden Akademi Persuratan Brazil. Hasil daripada dialog ini, Ikeda dan Dr. Athayde telah berjaya menghasilkan sebuah buku bertajuk *Hak Asasi Manusia dalam Abad ke-21*, iaitu wasiat Dr. Athayde, sebelum beliau meninggal dunia. Dr. Athyade yang ditemui Ikeda telah bersetuju untuk berdialog dengan Ikeda pada setiap Sabtu selama dua jam.

Dr. Athayde meluangkan masanya (yang ketika itu sudah agak uzur) untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ikeda. Dr. Athayde 'berdialog' dengan Ikeda seolah-olah Ikeda sentiasa berdampingan dengannya. Kesungguhan mereka ini mencapai titik noktahnya, apabila Dr. Athayde dimasukkan ke hospital kerana pneumonia. Walaupun berada di wad jagaan rapi, beliau ingin keluar segera dari wadnya, untuk meneruskan bicara dialognya dengan Ikeda. Lapan belas hari kemudiannya, Dr. Athayde menghembuskan nafasnya yang terakhir. "Tirai telah berlabuh ke atas satu bab persuratan Brazil".

Apa yang lebih menarik ialah kebanyakan teman dialog Ikeda ada antaranya yang telah meninggal dunia meninggalkan kesan-kesan yang mendalam terhadap usaha penyatuan bangsa manusia.

Buku ini penting dibaca untuk membuka minda semua pembaca, bahawa masih ada harapan di hujung jalan - keamanan. Sekiranya peperangan dianggap sebagai penyelesaian terakhir, teman-teman bicara Ikeda telah membuktikan bahawa peperangan bukan sahaja memusnahkan harta-benda, malah menghancurkan kepercayaan sesama sendiri.

Buku yang menarik ini menjadi satu tanda ingatan Ikeda terhadap usaha-usaha yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh dialognya.

Tajuk: PERTEMUAN YANG INDAH

Pengarang: Daisaku Ikeda

Penterjemah: Nazel Hashim Mohamad

Waktu Solat Kuala Lumpur
Subuh 5:45
Zohor 1:06
Asar 4:29
Maghrib 7:03
Isyak 8:17
Klik untuk waktu solat kawasan lain
IKLAN@UTUSAN
Adakah perniagaan anda dihubungkan kepada
2,100 komuniti
di seluruh Asia?
MAKLUMATNYA DI SINI
Maybank
ePlayer Sukan
IKLAN@UTUSAN




BANCIAN ONLINE

Hiburan
Rancangan TV
Feminin
Pendidikan
Sains & Teknologi
Agro
Kesihatan
S3
Polis & Tentera
Sastera

ARTIKEL
Rencana
Cuit
Selak
Awang Selamat
Kolumnis
Forum
Catatan Kembara

CAPAIAN LAIN
Classifieds
Utusan Airtime
Portal Pendidikan
Kosmo! Online
Mangga Online
Saji Online
MyBooks
Kareer
Utusan Karya
Laman Xtive

LAMAN KHAS
Liga M 2010
PRK 2010
UMNO 2011
Sharlinie
Salam Perantauan

Penerbit: Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia

Tahun: 2007

ISBN: 978-983-42074-2-7

Tebal: 223 muka surat

Pengulas: KHAIRUSY SYAKIRIN HAS-YUN HASHIM

0 0 0 1

Like

**TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:**

- Akta rangkum kepentingan semua
- Jangan biar UMNO dipersenda
- Keseimbangan antara kebebasan bersuara dan hak rakyat
- BISIK-BISIK AWANG SELAMAT
- Orang UMNO selepas amanat dan ikrar Disember 2011
- Mencari pembahas bermutu dalam UMNO
- Hiburan antara seni dan hedonisme

**IKLAN@UTUSAN**

**IKLAN TEKS**

- **BACA QURAN SETIAP HARI, tapi tajwidnya ditahap beginner-kah?, pertengahan atau pro? UPGRADE sekarang!**
- **It's a great time to get a great-looking new PC. Offers here.**

**Utusan Online**

Like

235,800 people like **Utusan Online**.



Rahidah Jeghi Azman Muhd Elegant Nordin Ahtok Salmawati Anieza
Haniza Afir Ashukori Balqies Kang Mohd Ummuhani Ranofla Aniepmidi

Utusan Online on Facebook

-

**Sukan bola sepak negara boleh menjadi lebih maju jika:**

- Guna jurulatih import
- Perlawanan persahabatan
- Latihan di luar negara
- Imbuhan lebih tinggi

Undi

Lihat Keputusan

**IKLAN@UTUSAN**




**MENARIK**

**Sertai Peraduan Perdana Spot Bola**
Menangi MyVi dan pelbagai hadiah hebat.

**Debat Bahasa Melayu 211 jam**
Catat rekod baru Malaysia Book of Records.

**Saksikan TV1, TV2, TV Al-Hijrah**
Streaming secara langsung dari PC anda.

**Ruang iklan percuma hartanah, produk**
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.

**Jom langgan akhbar Utusan Malaysia**
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.

**Aduan sukar dapat nashkah akhbar**
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.

**Gambar kahwin Album Raja Sehari**
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.

**Mari baca Utusan Melayu Mingguan**
Kekalkan tradisi, pelajari tulisan jawi.

**SMS News Alert Utusan Malaysia**
Dapatkan berita terkini di telefon bimbit anda.

**DARI TUTOR.COM.MY**

**“ Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin!! ”**

KAREER.COM.MY Jawatan Terkini

- **Accounts Executive** › EXQUISITE RESOURCES SDN BHD
- **PENOLONG PEGAWAI PROJEK BENGKEL JAHIT (PEMOTON** › MAIS Zakat Sdn Bhd
- **PEGAWAI NAZIRAN** › MAIS Zakat Sdn Bhd
- **PENOLONG PEGAWAI PROJEK AGIHAN MAKANAN** › MAIS Zakat Sdn Bhd
- **Application Analyst (Domain)** › Kareer Advertiser
- **Shopping Centre Manager** › Kareer Advertiser
- **Customer Service front office** › Kareer Advertiser

• **Maintenance Supervisor** › Kareer Advertiser
• **Leasing Manager** › Kareer Advertiser
• **Administration Manager** › Kareer Advertiser
• **Customer Service (Walk in interview)** › Kareer Advertiser

---

**Kumpulan Utusan** | **Hubungi Kami** | **Jom Iklan** | **Terma & Syarat**
**© UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.**